

Kempen For a Golden Future

Terma dan Syarat

- 1) Kempen *For a Golden Future* (“**Kempen**”) ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** (“**PruBSN**” atau “**kami**”). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang dimaksudkan dalam Klausa 4 di bawah) terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini dan Dasar Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.
- 2) **Tempoh Kempen: 1 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026**, termasuk kedua-dua tarikh ini.
- 3) Kelayakan Kempen:
 - 3.1 **Pelanggan yang Layak** adalah pelanggan yang:
 - Menyertai sijil baharu **PruBSN WarisanGold dan/atau PruBSN Aspirasi**, yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4 di bawah; dan
 - Menyerahkan borang cadangan dan **diterima oleh PruBSN** antara **1 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026** (termasuk kedua-dua tarikh ini), di mana sijil tersebut diluluskan dan dikeluarkan selewat-lewatnya pada **15 Julai 2026**.
 - 3.2 Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak dan tiada pengurangan sumbangan sijil sehingga **31 Disember 2026** bagi mod pembayaran tahunan dan sehingga **30 Jun 2027** bagi mod pembayaran lain.
 - 3.3 Pelanggan yang Layak (pemilik sijil/orang yang dilindungi) hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon, alamat surat-menyurat dan maklumat akaun bank (e-Kredit) yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch/PRUServices sebelum **31 Disember 2026**.
 - 3.4 Kaedah pembayaran sumbangan mestilah dilakukan melalui kaedah pembayaran berulang dengan **Kad Kredit/Debit** atau **Debit Terus**, yang didaftarkan melalui **PruBSN Mobility** atau dikemaskini melalui **PruBSN Touch/PRUServices** sebelum **31 Disember 2026**. Kaedah pembayaran yang diperlukan juga mestilah dikekalkan sehingga ganjaran kempen diterima.
- 4) Ganjaran Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan di dalam Klausa 3 akan menerima **Jongkong Emas 999.9 (“Ganjaran”)** berdasarkan syarat sijil seperti di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Tempoh Sumbangan	Ganjaran Setiap Sijil
PruBSN WarisanGold	Jumlah Perlindungan Asas RM1,000,000 – RM1,999,999	10 tahun / 20 tahun / Tempoh Sumbangan Penuh	0.5g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Perlindungan Asas RM2,000,000 – RM2,999,999		1g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Perlindungan Asas RM3,000,000 – RM4,999,999		2g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Perlindungan Asas RM5,000,000 dan ke atas		4.25g (1 Dinar) Jongkong Emas 999.9

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Tempoh Sumbangan	Ganjaran Setiap Sijil
PruBSN Aspirasi	Jumlah Sumbangan Tahunan ¹ RM10,000 – RM19,999	5 tahun / 10 tahun / 20 tahun	0.5g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Sumbangan Tahunan ¹ RM20,000 – RM29,999		1g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Sumbangan Tahunan ¹ RM30,000 – RM49,999		2g Jongkong Emas 999.9
	Jumlah Sumbangan Tahunan ¹ RM50,000 dan ke atas		4.25g (1 Dinar) Jongkong Emas 999.9

¹Tidak termasuk sumbangan Takaful Saver/Takaful Saver Kid dan Penambahan Sumbangan Tunggal.

- 5) Pelanggan yang Layak menerima Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon mereka seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch/PRUServices, berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi dalam sistem PruBSN, bermula dari **15 Februari 2027** bagi mod pembayaran tahunan dan bermula dari **15 Ogos 2027** bagi mod pembayaran lain.
- 6) Ganjaran akan diagihkan sama ada melalui ejen perkhidmatan, pengambilan di hub/cawangan yang ditetapkan atau cara penghantaran yang lain, yang akan dimaklumkan kelak.
- 7) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan maklumat mereka yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa. PruBSN berhak untuk membuat permintaan yang munasabah untuk maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan sebarang maklumat yang diberikan, termasuk sama ada ia adalah penipuan atau perihal berlebih-lebihan.
- 8) Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen PruBSN (di mana ejen ialah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut) dan sijil di bawah pelan promosi kakitangan PruBSN.
- 9) PruBSN tidak memberikan jaminan ke atas kualiti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Ganjaran. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau kemudaratan (sama ada secara fizikal atau mental) yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang Layak yang timbul akibat penerimaan dan penggunaan Ganjaran.
- 10) Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran diagihkan. Sekiranya Ganjaran tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN kecuali jika peristiwa tersebut berpunca daripada PruBSN.
- 11) Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
- 12) Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

- 13) PruBSN boleh menggantikan Ganjaran tersebut dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
- 14) PruBSN boleh menolak sebarang penyertaan sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 15) Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
- 16) Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
- 17) Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
 - a) Jika PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam untuk ditambahkan ke dalam senarai Sekatan*; atau
 - b) Jika PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini,

PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuat kuasa serta-merta dan mengambil tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

*"**Sekatan**" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *European Union*, *US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control* dan *Hong Kong Monetary Authority*.
 - c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausula 17 ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausula 17 ini, akan kekal selepas penamatan atau tamat tempoh Kempen ini.
- 18) PruBSN berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan oleh PruBSN untuk Kempen tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.
- 19) PruBSN berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Kempen sepenuhnya atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Cara pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara PruBSN yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada posting di laman web atau laman media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh PruBSN.

- 20) Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
- 21) Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.